

KERTAS MODEL UASA GRED A



国文

Bahasa Melayu

6
年级

UASA 模拟试卷



- ★ 符合 Modul Peralisasian Item
- ★ 按照 Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)
Ujian Akhir Sesi Akademik

- ✓ 真题模拟
- ✓ 附四套完整 UASA 模拟试卷
- ✓ 备有参考答案

阅读材料: 精美彩色设计



阅读材料

姓名:

班级:

学校:

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)

KERTAS MODEL 1

Bahasa Melayu Tahun 6 (011)

1 jam 15 minit

Nama	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Puan Tan menjemur bantal di bawah matahari untuk menghilangkan bau _____nya.
- | | |
|----------|-----------|
| A hamis | B hapak |
| C hanyir | D hancing |
- 2 Para pelanggan _____ beg plastik yang berisi pelbagai barang keperluan harian semasa keluar dari pasar raya itu.
- | | |
|--------------|--------------|
| A memikul | B menggalas |
| C menjinjing | D menjunjung |

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3
- | | |
|---|--|
| A | Mereka berbasikal daripada rumah setiap hari. |
| B | Pada dinding rumah itu terdapat gambar keluarganya. |
| C | Perjalanan di Pulau Pinang mengambil masa selama tiga jam. |
| D | Hadiah akan diberikan oleh sesiapa yang mencapai markah tertinggi. |

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kemurungan ialah sejenis penyakit mental yang dikategorikan sebagai perasaan sedih yang teramat sangat. Seseorang itu akan berasa tiada pertolongan, tiada harapan dan tidak berguna. Antara punca kemurungan ialah kemerosotan kesihatan fizikal, masalah sosial, masalah kewangan dan pengambilan ubat-ubatan.

Pesakit yang mengalami kemurungan akan menunjukkan tanda-tanda seperti berasa sedih yang berpanjangan, hilang keyakinan diri, sering rasa bersalah dan lain-lain lagi. Walaupun begitu, kemurungan ini boleh dirawat melalui kaedah kaunseling, pendekatan rohani dan penggunaan ubat khusus anti-kemurungan.

- 4 Bilakah kita boleh mengetahui seseorang itu dalam kemurungan?
- A Tidak yakin pada diri sendiri.
 - B Membeli pelbagai ubatan setiap hari.
 - C Sering tidur awal pada setiap malam.
 - D Selalu mengeluarkan wang dari bank.
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Kemurungan tidak boleh dirawat.
 - B Ubat anti-kemurungan dapat merawat pesakit.
 - C Pesakit akan sentiasa menyalahkan orang lain.
 - D Kemurungan berpunca daripada kehilangan wang.
- 6 Berikut ialah kesan kemurungan terhadap seseorang berdasarkan petikan *kecuali*
- | | |
|--------------------|-----------------------|
| A berasa malu. | B berasa sedih. |
| C berasa bersalah. | D berasa tidak yakin. |

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1


Sungai merupakan nadi kehidupan kerana semua hidupan memerlukan air. Oleh itu, pihak berkuasa telah mengadakan “Kempen Sayangi Sungai Kita” dalam usaha untuk menyemai sikap *mencintai* sungai dalam kalangan masyarakat.

Pelbagai program telah dijalankan untuk merealisasikan objektif kempen ini. Pihak berkuasa dengan kerjasama masyarakat kerap mengadakan gotong-royong untuk membersihkan kawasan sungai. Sungai juga dijadikan kawasan pelancongan untuk menarik kehadiran pelancong. Penganjuran program Ekspedisi Sungai juga dapat merapatkan hubungan manusia dengan alam sekitar.

BAHAN 2

KEMPEN SAYANGI SUNGAI KITA

Menyemai sikap *mencintai* sungai dalam kalangan masyarakat.



Program gotong-royong membersihkan kawasan sungai.

Menjadikan sungai sebagai kawasan pelancongan.

Menganjurkan program Ekspedisi Sungai pada setiap tahun.

Merapatkan hubungan manusia dengan alam sekitar.

7 Siapakah yang perlu menjaga kebersihan sungai?

- | | |
|-------------------------|----------------------------|
| A Para pelancong asing | B Pihak berkuasa sahaja |
| C Semua ahli masyarakat | D Peserta Ekspedisi Sungai |

Sungai juga dijadikan kawasan pelancongan untuk menarik kehadiran pelancong.

8 Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- | | |
|-----------|-----------|
| A buah. | B baris. |
| C batang. | D bidang. |

9 Perkataan *mencintai* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- | | |
|-------------|---------------|
| A merosot. | B membina. |
| C mengabai. | D menyayangi. |

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Sungai membekalkan air kepada semua hidupan.
- B Sungai dapat merapatkan hubungan ahli keluarga.
- C Sungai dapat menarik pelancong masuk ke dalamnya.
- D Sungai menjadi lokasi Ekspedisi Sungai pada setiap hari.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Si Kodok, Sang Belut dan Sang Puyu tinggal di habitat yang sama. Suatu ketika dahulu, tempat tinggal mereka sentiasa bersih. Mereka tinggal di situ dalam keadaan aman dan gembira. Mereka bebas mencari rezeki untuk kelangsungan hidup mereka dan kawan-kawan yang lain.

Namun, keadaan berubah dengan sekelip mata. Hal itu bermula dengan pembinaan sebuah kilang berhampiran habitat mereka. Sejak kilang itu beroperasi, habitat mereka telah tercemar. Pemilik kilang itu telah membuang sisa toksik ke dalam sungai tanpa rasa bersalah.

Hari demi hari, keadaan bertambah buruk. Banyak hidupan di habitat itu tidak dapat bertahan lagi. Banyak yang telah terkorban. Si Kodok, Sang Belut dan Sang Puyu hanya duduk termenung mengenangkan nasib mereka.

- 1 (a) Si Kodok dan kawan-kawannya tinggal di _____.

[1 markah]

- (b) Apakah yang menyebabkan kawasan tempat tinggal mereka tercemar?

[2 markah]

- (c) Bulatkan kata berimbuhan apitan yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Si Kodok, Sang Belut dan Sang Puyu hanya duduk termenung mengenangkan nasib mereka.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Pemilik kilang itu telah membuang sisa toksik ke dalam sungai tanpa rasa bersalah.

Sisa toksik telah dibuang oleh pemilik kilang itu ke dalam sungai tanpa rasa bersalah.	
Ke dalam sisa toksik sungai telah dibuang oleh pemilik kilang itu tanpa rasa bersalah.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah.

Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Seorang kawan kamu terlupa membawa wang belanja ke sekolah. Dia hanya menyedari hal itu semasa mahu membeli makanan di kantin pada waktu rehat. Dia juga tidak membawa bekalan makanan ke sekolah.

- 2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian C


[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang penjagaan alam sekitar.

Tuliskan pendapat kamu tentang **kepentingan teknologi hijau**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu** perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Program Pembersihan Sungai



- 1 Tuliskan cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

- 2 Tuliskan laporan berdasarkan gambar di atas.
